

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi meneroka pandangan pekerja sosial mengenai isu pembuangan bayi. Kajian ini telah dijalankan ke atas dua orang responden yang merupakan pegawai pembangunan masyarakat yang berkhidmat di JKM. Kaedah temubual mendalam telah digunakan bagi mengumpul data kajian. Responden yang terlibat dalam kajian ini berkhidmat di bawah Unit Kanak-Kanak di JKM lebih dari lima tahun serta berpengalaman dalam mengendalikan isu berkaitan dengan pembuangan bayi sebelum ini. Keputusan kajian menunjukkan bahawa isu pembuangan bayi berlaku disebabkan faktor kebebasan dalam menggunakan gajet, pengaruh media sosial, pengaruh rakan sebaya, pergaulan bebas, kehamilan luar nikah, dan kurang pengetahuan seks. Dari segi pelan tindakan pencegahan pula, responden telah memberikan beberapa pelan tindakan yang bersesuaian dalam menangani masalah ini iaitu menyediakan pusat pemulihan sementara, menyediakan baby hatch, mempertingkatkan peranan pekerja sosial serta menggunakan akta-akta kerajaan untuk mengawal isu pembuangan bayi ini. Hasil kajian diharapkan dapat memberikan kesedaran kepada semua pihak agar memainkan peranan tersendiri dalam menyelesaikan isu pembuangan bayi ini.

Kata kunci : *Pembuangan bayi, faktor pembuangan bayi, kehamilan luar nikah, langkah pencegahan, akta kerajaan.*